

05 MAR 1998

Umno-Kelantan

UMNO KELANTAN CADANG DAPAT NASIHAT DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 5 Mac (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa hari ini berkata Umno Kelantan akan cuba mendapatkan nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusinya berhubung kedudukan jawatan ketua bahagian Kubang Kerian dan Tumpat ekoran keputusan terbaru Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini.

Katanya penjelasan lanjut Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diperlukan memandangkan kedudukan jawatan utama di kedua-dua bahagian itu berbeza dengan bahagian lain di Kelantan.

"Kita jelas bahawa MT telah mengarahkan bahawa tiada pertandingan jawatan Ketua bahagian di Kelantan tetapi bagi bahagian Tumpat dan Kubang Kerian kita akan rujuk segera kepada Pengerusi Badan Perhubungan bagi mendapatkan nasihat dan penjelasan lanjut," katanya di sini.

MT pada Isnin lepas mengarahkan supaya semua jawatan ketua bahagian di Kelantan tidak ditandingi.

Umno bahagian Tumpat pada 19 Feb lepas mengadakan kompromi antara tiga pemegang jawatan utama dalam usaha mengelakkan pertandingan. Ketua bahagian Mansor Salleh bersetuju melepaskan jawatannya kepada Datuk Kamaruddin Jaafar yang kini menyandang jawatan Naib Ketua.

Mansor sebaliknya akan mengisi jawatan timbalan ketua bahagian yang kini disandang oleh Mat Nawawi Mat Jusoh manakala Nawawi mengisi jawatan naib ketua yang dikosongkan oleh Kamaruddin.

Bagi Umno bahagian Kubang Kerian, Ketua Bahagiannya Mat Zin Awang telah dilucutkan jawatannya oleh MT dan jawatan itu kini dipangku oleh timbalannya Tuan Mohamed Hashim Tuan Yaacob.

Annuar berkata penjelasan pucuk pimpinan itu perlu berhubung kedudukan ketua bahagian sekarang bagi mengelakkan kekeliruan sehingga menyebabkan arahan MT dilanggar.

Katanya beliau juga telah menerima surat daripada Setiausaha Agung Umno yang salinannya turut dihantar kepada semua setiausaha bahagian Umno di Kelantan berhubung arahan terbaharu MT. -- BERNAMA

RAR NMO